

Penggubalan dan Peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis

Nora'inan bt. Bahari

Abstract

The article analyses the 1984 Enactment of Islamic Family Law of Selangor, especially its legislation and provisions. The study shows that the enactment has the objectives of improving the administration of the family law in Selangor as well as providing adequate protection to the family.

Latar Belakang Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia

Selaras dengan peruntukan dalam Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan, undang-undang berkaitan dengan kekeluargaan Islam adalah di antara perkara-perkara yang diletakkan dalam urusan Negeri bukan Persekutuan. Justeru itu, setiap negeri menggubal undang-undang keluarganya yang berasingan dan berbeza antara satu sama lain. Ini termasuklah Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor.

Kesan dari ketidakseragaman itu, Kerajaan Persekutuan telah cuba mewujudkan satu model undang-undang yang diseragamkan ke setiap negeri.

Dalam penggubalannya itu beberapa contoh undang-undang keluarga telah diambil.¹ Antaranya Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraihan) 1976² yang dikuatkuasakan pada 1 Mac 1982 kepada orang-orang bukan Islam. Bagaimanapun pengubahsuaian telah dibuat agar sejajar dengan prinsip dan hukum Islam.³

Undang-undang Keluarga Islam bagi lain-lain negara Islam juga turut diambil seperti Singapura, Mesir, India dan Pakistan.⁴

Draf undang-undang Keluarga Islam yang digubal di peringkat Persekutuan itu telah dihantar kepada Majlis Raja-Raja dan setelah diluluskan, ia telah dihantar kepada tiap-tiap negeri pada 19hb. Ogos 1978 untuk dikaji, dikomen dan seterusnya diterima dan diimplementasikan.⁵

Tindakan ini adalah sesuatu yang wajar dalam usaha mewujudkan keseragaman undang-undang yang lebih baik dengan harapan pembaharuan yang diajukan itu akan menjaga kebijakan dan kepentingan pihak-pihak dalam sesuatu perkahwinan termasuk isteri dan anak-anak sebagaimana undang-undang yang lain, bahkan lebih baik lagi.⁶

Akhirnya pada 24hb. April 1982, setelah beberapa perbincangan dan pertemuan diadakan, Badan Perunding Islam⁷ telah mengesyorkan supaya ia segera dilaksanakan di negeri-negeri dan syor ini telah dibawa ke dalam mesyuarat Jawatan Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam.⁸

Dalam mesyuaratnya pada 12hb. April 1982, mesyuarat mengambil keputusan bersetuju supaya Menteri-menteri Besar yang hadir hendaklah mengambil tindakan yang perlu agar draf undang-undang pentadbiran keluarga Islam ini dijadikan undang-undang bagi negeri masing-masing.⁹

Kedah, Kelantan dan Wilayah Persekutuan mendahului negeri-negeri lain dalam menerima pakai draf tersebut.

Walaupun rang Undang-undang Keluarga Islam bagi negeri Kedah adalah yang pertama diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, tetapi ia hanya diterbitkan selepas perundangan di Kelantan yang dikuatkuasakan pada Januari 1984 dan Wilayah Persekutuan yang menguatkuasakannya pada 29 April 1987 kerana ia hanya dipersetujui oleh Sultan Kedah pada 12 Disember 1983. Oleh kerana itu tepatlah seperti yang dikatakan oleh Ahmad Ibrahim bahawa perundangan dari negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuanlah yang menjadi ikutan negeri-negeri lain di Malaysia dalam penggubalan Undang-undang Keluarga Islam masing-masing.¹⁰ Namun begitu, Kedah dan Kelantan tidak menerima pakai sepenuhnya draf yang diluluskan di peringkat pusat tersebut.

Penggubalan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984

Ekoran dari gesaan oleh Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam agar draf Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam itu dilaksanakan di negeri-negeri, Majlis Agama Islam Selangor telah membentuk satu Jawatankuasa Kecil Pindaan Rang Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984¹¹ dan bersetuju menerima pakai perundangan yang telah digubal oleh Wilayah Persekutuan. Perkara ini jelas berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Penasihat Undang-Undang Selangor dalam suratnya kepada Setiausaha Kerajaan Selangor :¹²

“Seperti yang Tuan sedia maklum rang undang-undang ini telah disediakan berasaskan kepada undang-undang yang sama maksud

yang telah digubal untuk Wilayah Persekutuan yang telah disediakan oleh Jabatan Peguam Negara.”

Berasaskan kenyataan di atas, terdapat dua jenis persamaan yang wujud antara kedua-dua perundangan itu. Pertama, peruntukan yang mempunyai persamaan dari segi perkataan dan maksud seperti takrif hukum syarak. Kedua-dua undang-undang memperuntukkan hukum syarak sebagai:¹³

“Undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah”

Manakala peruntukan yang mempunyai persamaan dari segi maksud tetapi berbeza dari segi perkataan seperti peruntukan yang berkaitan dengan daftar yang tidak diakui sah di sisi undang-undang. Undang-undang Wilayah Persekutuan memperuntukkan:¹⁴

“Tiada seseorang, lain daripada mereka yang dilantik di bawah seksyen 28, boleh-

b) mengeluarkan kepada seseorang apa-apa dokumen yang mana adalah atau yang berupa sebagai suatu salinan surat perakuan bagi perkahwinan atau perakuan perkahwinan yang didaftarkan oleh Pendaftar”,

dibandingkan dengan peruntukan yang sama dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor yang memperuntukkan:¹⁵

“Tiada seseorang, lain daripada mereka yang dilantik di bawah seksyen 28, boleh-

b) mengeluarkan kepada seseorang apa-apa dokumen yang mana adalah atau yang berupa sebagai suatu perakuan bagi perkahwinan atau salinannya”.

Berasaskan kedua-dua peruntukan di atas, peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor telah menggunakan perkataan yang lebih ringkas berbanding dengan peruntukan dalam Akta 303 yang lebih panjang. Di samping itu terdapat beberapa lagi bentuk persamaan dalam kedua-dua perundangan tetapi yang lebih penting, kedua-duanya hanya berbeza dari segi lafaz dan tidak dari segi maksud.

Asas dan Tujuan Perlaksanaan

Dalam penggubalan undang-undang tersebut, al-Qur'an dan hadis menjadi rujukan utama berasaskan pentafsiran mazhab-mazhab yang masyhur dan muktamad. Mazhab Syafi'i menjadi rujukan utama. Ini sesuai dengan amalan majoriti rakyat Malaysia termasuk para hakim di mahkamah Syariah,¹⁶ dan ini bertepatan dengan tujuan syariat Islam untuk memberikan kemudahan dan kemanfaatan serta menolak kemudarat dan

kesusahan bagi mewujudkan undang-undang yang tidak terlalu rigid dan sesuai dengan situasi masyarakat hari ini.

Di samping itu, penggubalan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 adalah bertujuan untuk mengemaskinikan undang-undang keluarga Islam di negeri Selangor bagi menjamin kelincinan dan keberkesanan perlaksanaan peruntukan yang terdapat di dalamnya dan memberikan perlindungan kepada wanita dari penganiayaan dan menjamin hak anak-anak sebelum dan selepas perceraian.¹⁷

Bagi menjamin terlaksananya matlamat tersebut, konsep *kemudaratan dihilangkan* atau *al-darar yuzal* diaplikasikan. Ia bukan sahaja memberikan perlindungan kepada suami, isteri dan anak-anak, sebaliknya juga memberikan perlindungan kepada mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan seperti ibu, bapa dan saudara mara.

Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan undang-undang sebelumnya seperti “*Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment Chapter 197 of Revised Law of Federated Malay States, 1935*” yang memusatkan kepada aspek-aspek pentadbiran seperti pendaftaran perkahwinan, perceraian dan rujuk serta sedikit hukum asas dalam perkahwinan yang jelas digubal untuk memudahkan pihak Inggeris mengawal selia urusan kekeluargaan masyarakat Islam; di samping mengekalkan polisi tidak mencampuri hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu sekadar tidak menghina amalan yang telah sedia ada.¹⁸ Bagaimanapun kebaikannya tetap ada; iaitu ia secara langsung dapat menjadi bukti secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa pertikaian yang wujud selepas perkahwinan.

Namun begitu, tujuan syarak untuk memberikan kemaslahatan kepada umat manusia dan menghindarkan kemudaratan terhadap diri mereka agak lebih jelas implementasinya dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor, walaupun ia tidak dinyatakan dengan secara langsung kerana ia lebih menumpukan kepada undang-undang pentadbiran kekeluargaan Islam sahaja.

Berasaskan kenyataan ini, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 ini mempunyai tujuan yang jelas dalam penggubalannya. Perbincangan seterusnya meneliti dengan lebih mendalam sejauh manakah berkesannya Enakmen 1984 ini menangani permasalahan kemudaratan yang wujud.

(i) Mengemaskinikan Pentadbiran

Aspek-aspek kekeluargaan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 hanya meliputi pertunangan, perkahwinan, perceraian, mut’ah, nafkah dan peraturan-peraturan yang mengikatnya dalam 25 seksyen sahaja¹⁹ bahkan terdapat peruntukan yang mengelirukan dan sukar difahami kerana terjemahan telah dibuat secara tidak baik.²⁰ Justeru itu, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor yang baru memperuntukkan sebanyak 135 seksyen termasuk pindaan.²¹ Berdasarkan bilangan yang dinyatakan, peruntukan-peruntukan yang diberikan adalah lebih terperinci

walaupun tidak pada keseluruhannya.

Sebagai satu perbandingan, pendaftaran perkahwinan²² dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan²³ dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor diletakkan dalam bahagian yang berasingan sedangkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor meletakannya dalam bahagian yang sama dengan perkahwinan.²⁴ Pengasingan ini bertujuan untuk mengemaskinikan peraturan dan sebagai langkah yang wajar bagi mewujudkan perkahwinan yang sah dari kedua-dua aspek hukum dan undang-undang serta memudahkan pihak-pihak yang terlibat merujuk kepada asas apabila pertikaian berlaku seperti dalam kes tuntutan semasa dan selepas perkahwinan.

Walaupun pada mulanya peraturan-peraturan sebegini sukar diterima tetapi setelah tujuh tahun perlaksanaannya, kira-kira 90 peratus masyarakat Islam telah menerimanya dengan baik.²⁵

Dari aspek lain, peruntukan-peruntukan yang lebih kemaskini itu dapat memudahkan para hakim menjalankan tugas termasuk memutuskan sesuatu tuntutan contohnya tentang harta sepencarian.²⁶ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1984 hanya menyebutkan kuasa tersebut tetapi tidak diuraikan bagaimana dan setakat mana pembahagian tersebut boleh dibuat.²⁷ Oleh itu Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor telah memperuntukkan kuasa yang dimiliki oleh mahkamah dalam membuat pembahagian berkenaan dengan harta sepencarian termasuk takat sumbangan secara langsung dan tidak secara langsung, hutang terhadap salah satu pihak berkenaan dan keperluan anak-anak yang belum dewasa. Pembahagian tersebut boleh dibuat secara sama banyak atau menurut usaha yang telah dilakukan.²⁸

(ii) Menjadikan Peruntukan Undang-undang Lebih Jelas dan Selaras Dengan Undang-undang Syarak

Selain dari pengemaskinian dalam aspek pentadbiran, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor juga turut mengubah asas pengesahan sesuatu hukum dan peraturan seperti pengesahan akad nikah menurut hukum syarak²⁹ semata-mata tanpa menyertakan penilaian dari sudut adat istiadat Melayu.³⁰ Dalam hal ini peruntukan tersebut adalah wajar kerana pengesahan sesuatu perkahwinan yang melibatkan orang-orang Islam hanyalah berdasarkan hukum syarak bukannya adat.

Bagi tujuan yang sama, pengekalan dibuat kepada maksud sek. 122³¹ tentang perkahwinan seorang perempuan tetapi membuat perubahan dengan mengubah istilah “sebelum *dukhul*” dengan “sebelum ia telah disetubuh”³² untuk menjadikan peruntukan tersebut lebih mudah difahami. Begitu juga dengan peruntukan berkaitan dengan maskahwin³³ dan perlantikan pendaftar perkahwinan, perceraian dan rujuk yang dinyatakan dengan lebih terperinci.³⁴

Pengubahsuaian juga dibuat dalam aspek kemungkiran pertunangan dari membezakan *efekya* mengikut siapa yang memutuskannya³⁵ kepada mana-mana pihak

yang mungkir sahaja diperintahkan untuk mengembalikan segala pemberian atau nilai berkenaan dan membayar gantirugi terhadap apa-apa yang telah dibelanjakan bagi tujuan perkahwinan.³⁶

Pentadbiran perceraian juga turut mengalami perubahan yang besar dengan kewajipan mendaftarkan perceraian dan dengan kebenaran dari mahkamah untuk melafazkannya.³⁷ Bahkan mesti dilakukan melalui permohonan dari pihak yang hendak bercerai.³⁸ Peraturan ini memansuhkan kebenaran untuk mendaftarkan dalam tempoh tujuh hari selepas perceraian. Peruntukan ini merupakan satu usaha untuk mengelakkan perceraian, bahkan menjadi satu kesalahan melafazkannya di luar dan tanpa kebenaran mahkamah.³⁹

(iii) Memberikan Perlindungan dari Penganiayaan

Terdapat beberapa bentuk perlindungan terhadap isteri dari penganiayaan seperti yang telah diperuntukkan oleh Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor. Justeru itu, perintah pembubaran perkahwinan atau untuk fasakh telah dijelaskan dengan terperinci⁴⁰ meliputi alasan-alasan yang dibenarkan dan tiga syarat-syarat yang berkaitan⁴¹ berbanding peruntukan terdahulu⁴² yang hanya dibuat secara umum iaitu dengan permohonan kepada kadi dan terpulanglah kepada beliau untuk membuat siasatan dan keputusan. Oleh itu keputusannya adalah bergantung kepada budi bicara dan pengetahuannya semata-mata tanpa suatu peraturan bertulis yang muktamad.

Antara hak yang diperjelaskan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 ialah hak memperolehi tempat tinggal bagi isteri yang diceraikan.⁴³ Hak ini tidak diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran. Oleh kerana itu bagi melindungi isteri, peruntukan ini telah dibuat walaupun dari segi hukum, nafkah yang diperuntukkan itu termasuk juga tempat tinggal. Bagaimanapun menurut kelazimannya hak ini jarang diperolehi dan diketahui oleh isteri.

Selain dari itu, peruntukan tentang tafsiran *nusyuz* juga diberikan bagi mengelakkan seseorang isteri disabitkan *nusyuz* dengan sewenang-wenangnya sehingga boleh menghalangnya untuk memperolehi hak-hak semasa dan selepas perkahwinan.⁴⁴

Kemudaratan dan penganiayaan terhadap isteri juga boleh berlaku dalam masalah poligami. Oleh itu bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak suami dan isteri, Enakmen Undang-Undang Keluarga⁴⁵ telah memperuntukkan peraturan-peraturan poligami yang sebelum ini tidak langsung diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran. Walaupun ia sesuatu yang kontroversi kerana tidak terdapat peraturan sedemikian dari sudut fahaman tradisional atau mazhab tetapi bagi menjaga kemaslahatan dan keadilan yang menjadi asas kepada keharusan berpoligami adalah wajar peruntukan sedemikian diadakan.

Penganiayaan kepada isteri hasil dari penipuan semasa memohon kebenaran berpoligami dapat dielakkan dengan peraturan mempastikan suatu akuan dibuat yang

menyatakan alasan-alasan untuk berpoligami dan butir-butir berkaitan dengan nafkah kepada anak dan isteri yang sedia ada dan yang akan berada dalam tanggungannya serta sama ada izin isteri telah diperolehi.⁴⁶ Bahkan perkara di atas boleh dielakkan dengan kehadiran isteri untuk memberi keterangan apabila dipanggil oleh mahkamah. Bagaimanapun yang lebih penting, suami mesti mempunyai bukti yang kukuh untuk mengamalkan poligami dengan empat syarat yang telah diperuntukkan⁴⁷ termasuk mempunyai kemampuan dari segi nafkah, memberikan keadilan dan layanan sama rata, mempunyai alasan yang munasabah dan tidak akan menyebabkan *darar syar'i*⁴⁸ kepada isteri dan isteri-isteri yang sedia ada. Bahkan suami boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya jika melakukan poligami tanpa kebenaran mahkamah.⁴⁹ Dengan kata lain, membuat pengakuan palsu dan tidak memberikan keadilan yang sewajarnya boleh dikenakan hukuman yang sama.⁵⁰

Jaminan Hak Anak-anak Selepas Perceraian

Peruntukan berkaitan dengan perlindungan terhadap kanak-kanak khususnya selepas perceraian telah dinyatakan dengan lebih terperinci dan jelas dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor berbanding dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor.

Dalam Enakmen Pentadbiran, peruntukan berkaitan nafkah hanya disebut dalam dua seksyen sahaja iaitu berkaitan dengan tuntutan nafkah kanak-kanak halal⁵¹ di bawah umur lima belas tahun dari perkahwinan yang sah yang boleh dituntut dari bapa yang sebenar. Manakala bagi anak tak sahtaraf atau anak luar nikah⁵² tidak dijelaskan kepada siapa tuntutan boleh dibuat tetapi mahkamah boleh menghukum orang yang enggan menanggung nafkah anak ini dan berdasarkan hukum syarak, tuntutan boleh dibuat terhadap ibu dan saudara-mara ibu.

Justeru, peruntukan nafkah bagi anak-anak dalam enakmen Undang-Undang Keluarga lebih terperinci dan kemaskini. Ia terkandung dalam ss. 72 hingga 80 meliputi tuntutan nafkah anak sahtaraf⁵³ dan tak sahtaraf,⁵⁴ perintah cagaran nafkah⁵⁵ dan tuntutan tunggakan nafkah⁵⁶ yang akan tamat setelah anak berumur lapan belas tahun kecuali bagi membolehkannya mengikuti pelajaran dan latihan lanjut.⁵⁷

Bagaimanapun pengekalan dibuat bagi peruntukan mengubah dan membatalkan perintah nafkah⁵⁸ apabila berlaku salah pernyataan atau kesilapan fakta atau berlaku perubahan *matan*. Begitu juga perintah nafkah terhadap orang yang tidak mampu⁵⁹ yang ditafsirkan sebagai orang yang uzur dan berpenyakit dalam Enakmen Pentadbiran.⁶⁰

Sungguhpun demikian, terdapat peningkatan yang ketara dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga iaitu berkaitan dengan *hadanah* atau penjagaan anak-anak. Walaupun ia termasuk dalam bidang kuasa yang diberikan kepada kadi besar⁶¹ untuk membicarakannya tetapi tiada peruntukan lebih lanjut bagi menyatakan hukum dan

prosedur yang sepatutnya. Oleh itu sebanyak 26 peruntukan⁶² telah dibuat meliputi orang-orang yang berhak menjaga, kelayakan, sebab-sebab hilang kelayakan, tempoh jagaan, penjagaan anak tak sahtaraf, kuasa mahkamah memerintah dan mengubah jagaan serta penjagaan harta kanak-kanak.

Perubahan yang diadakan itu telah memberikan imej yang baru dan lebih menepati maksud undang-undang keluarga. Bagaimanapun, usaha-usaha masih diteruskan untuk menjamin kelangsungan dan keberkesanannya Enakmen ini bagi mencapai tujuan yang telah digarisikan. Oleh itu pindaan⁶³ terhadap beberapa peruntukan telah dibuat sebelum undang-undang ini dilaksanakan pada 1hb. Januari 1989.

Pemakaian dan Perlaksanaan

Undang-undang Keluarga Islam Selangor sama seperti undang-undang Islam yang lain terpakai hanya kepada orang-orang Islam⁶⁴ dan bagi menentukan seseorang itu Islam atau tidak, adalah didasarkan kepada kriteria reputasi am⁶⁵ iaitu berpandukan kepada nilai dari segi zahir dan kebiasaan tanpa mempersoalkan keimanan, kepercayaan, kelakuan, perangai, watak, perbuatan atau kemungkiran seseorang.

Peruntukan ini adalah mencukupi kerana secara umumnya semua orang Islam yang secara zahirnya beragama Islam adalah dianggap Islam tanpa membuat penelitian kepada sejauhmana keislamannya. Tindakan ini dapat mengelakkan kemudaratian yang lebih besar iaitu sehingga ke peringkat tindakan undang-undang tidak boleh diambil atas alasan seseorang itu tidak bersifat Islam sepenuhnya.

Sebagaimana peruntukan dalam Jadual Kesembilan Senarai Kedua Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam adalah di bawah kuasa negeri dan oleh kerana belum ada kuasa perundangan tentang undang-undang Islam di peringkat Persekutuan khususnya berkenaan dengan undang-undang keluarga, maka Enakmen ini juga hanya terpakai kepada orang-orang Islam yang tinggal di negeri Selangor dan bagi semua orang yang bermastautin di negeri Selangor tetapi tinggal di luar negeri Selangor.⁶⁶

Di dalam amalannya untuk mengetahui seseorang itu tinggal dan bermastautin di Selangor adalah mengikut maklumat yang tercatat dalam kad pengenalan atau kad tukar alamat atau penukaran kad pengenalan baru jika tempoh mastautinnya belum sampai tempoh empat bulan atau pengesahan dan sokongan dari ketua kampung atau penghulu di tempat tinggalnya.⁶⁷

Jabatan atau agensi yang terlibat mengurus, mentadbir dan melaksanakan Enakmen ini ialah Mahkamah Syariah termasuk Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah. Bagaimanapun pada masa kini kuasa Mahkamah Rayuan Syariah dijalankan oleh Panel Rayuan Syariah yang berjalan pada akhir Disember 1997 yang diketuai oleh Ketua Hakim Syar'i dan ahli-ahli yang terdiri dari pakar-pakar undang-undang syarak sama ada dari kalangan para hakim mahkamah

tinggi dalam sistem mahkamah awam atau ahli akademik.⁶⁸

Pada masa ini di negeri Selangor hanya terdapat sebanyak lima daerah yang diluluskan oleh kerajaan negeri untuk diwujudkan mahkamah. Dari jumlah itu terdapat empat orang hakim sahaja bagi Mahkamah Syariah dan keadaan ini berpunca dari kekurangan calon yang memohon untuk jawatan itu. Oleh itu terdapat dua atau tiga daerah yang mempunyai hanya seorang hakim untuk membicarakan kes-kes mal dan jenayah. Ini berlaku bagi Mahkamah Rendah Gombak yang membicarakan kes-kes di Gombak Barat dan Timur serta Hulu Selangor, Mahkamah Rendah Kuala Selangor yang membicarakan kes-kes di Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sabak Bernam serta Mahkamah Rendah Klang yang membicarakan kes-kes di Klang dan Kuala Langat serta Mahkamah Rendah Hulu Langat yang membicarakan kes-kes di Sepang dan Hulu Langat. Bagaimanapun pada masa kini hakim Mahkamah Hulu Langat memangku perbicaraan bagi daerah Hulu Langat, Sepang dan Petaling Jaya.⁶⁹

Mahkamah Rendah berbidangkuasa membicarakan kes-kes jenayah dan mal mengikut peruntukan dalam bahagian tiga Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor.⁷⁰ Dalam kes jenayah, mahkamah berbidangkuasa membicarakan mana-mana kesalahan yang membawa hukuman tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya⁷¹ manakala dalam bidangkuasa mal memutuskan semua perkara yang dipertikaikan dengan jumlah atau nilai tidak melebihi seratus ribu ringgit atau yang tidak boleh dianggarkan dengan wang.⁷²

Mahkamah Tinggi Syariah, yang sebelum ini dikenali dengan Mahkamah Kadi Besar dikendalikan oleh Ketua Hakim Syar'i⁷³ juga berbidangkuasa untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang keluarga dalam bidangkuasa jenayah⁷⁴ atau bidangkuasa mal⁷⁵ yang bernilai lebih satu ratus ribu ringgit dan kes-kes rayuan.⁷⁶ Bagaimanapun, dari segi amalannya Mahkamah Tinggi tidak pernah membicarakan kes-kes jenayah keluarga seperti cerai di luar mahkamah⁷⁷ dan menganiaya isteri⁷⁸ kerana peruntukan dalam Enakmen Keluarga tidak melebihi hukuman satu ribu ringgit dan penjara tidak melebihi enam bulan. Oleh itu jelas ia berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Rendah dan pada masakini kes-kes tersebut dibicarakan di Mahkamah Rendah oleh Yang Amat Arif hakim-hakim Mahkamah Tinggi bagi mengurangkan bebanan dan mempercepatkan urusan di Mahkamah Rendah.⁷⁹

Manakala agensi kedua iaitu Pejabat Agama Islam di bawah Jabatan Agama Islam Selangor terlibat dalam urusan mentadbirkan segala hal ehwal berkaitan dengan orang-orang Islam termasuk yang berkait rapat dengan perlaksanaan Enakmen ini dalam tiap-tiap daerah di negeri Selangor. Ia berperanan untuk menguruskan pendaftaran perkahwinan, perceraian dan rujuk di negeri Selangor termasuk proses rundingcara atau kaunseling bagi semua kes aduan, tuntutan dan permohonan sebelum dilaporkan ke Mahkamah Syariah untuk urusan seterusnya. Justeru itu, ia berfungsi untuk melaporkan dan mengusulkan kepada mahkamah sesuatu tindakan yang berkaitan dengan kes-kes di

8. Satu badan dalam BAHEIS berfungsi merancang dan menyelaras kegiatan Islam di Malaysia supaya dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara berjalan dengan lancar serta menilai dan memberi cadangan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan dengan keislaman agar tidak bertentangan antara kepentingan Islam dengan kepentingan negara. Maklumat dari buku cenderamata “*Taklimat BAHEIS, JPM*”, Sempena Lawatan Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Dan Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Perlis, di Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1987.
9. Fail JPM (U) O: 6014/3 tentang latar belakang Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam, h. 5.
10. Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang di Malaysia*, h. 67 dan Y.T.A. Sheikh Ghazali bin Ab. Rahman, “*Perlaksanaan, Amalan dan Permasalahan Undang-Undang Keluarga Islam : Pengalaman Wilayah Persekutuan*”, Seminar Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 26-28 Jun 1989, h. 2.
11. Berkuasa membantu dan menasihati DYMM Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan Agama Islam, kecuali perkara Hukum Syara’ dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai negeri-negeri dan dalam semua perkara tersebut. Lihat s. 28 Enakmen Pentadbiran Perundungan Islam Selangor 1989.
12. P.U. Sel. 1788 S.J.
13. S.2 (1), Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (1984) dan s.2 (1), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
14. S. 32 (b), Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (1984).
15. S.32 (b), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
16. Hj. Shahri b. Hj. Ismail, *Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor Darul Ehsan 1984*, Bahagian Penerangan dan Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor, t.t., h.1 dan temubual dengan Y.T.A. Ketua Hakim Syar’i Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam, Dato’ Haji Abu Naim bin Hj. Ikhsan, pada 5hb. Mac 1996, di pejabat beliau.
17. Hj. Ismail, *Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Selangor*, t.t, h. 1.
18. M.B. Hooker, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, (terj.), cet.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, h.188.
19. Ss.119-144, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor, 1952.
20. Sebagai contoh sila lihat peruntukan s. 124 mengenai pertunungan.

“Pihak yang membuat kesalahan itu hendaklah membayar kepada pihak si perempuan wang sebanyak mana yang ditetapkan di dalam perjanjian dahulu kerana ingkar daripada perjanjiannya dan jika laki-laki hendaklah membayar kerugiannya sebanyak mas kahwin serta wang yang telah dibelanjakan untuk persiapan perkahwinan itu atau jika pihak perempuan ingkar hendaklah mengembalikan segala pemberian si laki-laki jika ada lain-lain kerugian boleh dituntut di dalam mahkamah”.

21. Enakmen Keluarga Islam Selangor, no. 6 tahun 1988 (pindaan).
22. Ss. 25-34, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984.
23. Ss. 35-44, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984.
24. Ss. 119-125, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
25. Temubual dengan Y.A. Ustaz Zohdi b. Hj. Toha, Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, pada 5hb. Mac 1996 di pejabat beliau.
26. Temubual dengan Y.T.A. Dato' Abu Naim b. Hj. Ikhsan pada 5hb. Mac 1996 di pejabat beliau.
27. S. 45 (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
28. Ss. 58 (1) - (5)
29. S. 7 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
30. S. 121 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952
31. S. 14 (1) - (4), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984
32. S. 14 (3), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
33. S. 21, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 dan s. 125, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
34. S. 28, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 dan s. 120, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
35. S. 124, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
36. S. 15, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
37. S. 45
38. S. 47
39. S. 124
40. S. 52 (1) (a) - (I)
41. S. 52 (2) - (4)
42. S. 128, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
43. S. 71 (1) (2)
44. S. 59 (2)
45. S. 23 (1) - (8)
46. S. 23 (3)
47. S. 23 (4) (a) - (d)
48. Bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh Syarak. Lihat s. 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
49. S. 123
50. Ss. 38 dan 128

Penggubalan dan Peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984

51. S. 140
52. S. 142
53. S. 72 (1)
54. S. 80 (1)
55. S. 74
56. S. 77
57. S. 79
58. S. 143, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 dan s. 75, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
59. S. 60, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
60. S. 141, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
61. S. 45 (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952.
62. Ss. 81-107
63. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor, no. 6 tahun 1988 (pindaan)
64. S. 4, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984.
65. S. 5
66. S. 4
67. Kertas kerja “*Hukum Nikah dan Cara Memilih Jodoh*”, Kursus Pra Perkahwinan, Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syarak, Jabatan Agama Islam Selangor, t.t., h. 14.
68. Temubual dengan Y.A. Ustaz Zohdi b. Hj. Toha, Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam pada 5hb. Mac 1996 di pejabat beliau dan temubual dengan Y. A. Ustaz Abu Bakar b. Daud, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, pada 18hb. November 1997.
69. *Ibid.*
70. Bahagian III, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor, no. 2/1989.
71. S. 43 (2) (b)
72. S. 43 (2) (b)
73. *Ibid.*
74. S. 42 (2) (a)
75. S. 42 (2) (b)
76. S. 44 (1) (a) - (c)
77. S. 124
78. S. 127
79. Temubual dengan Y. A. Ustaz Abu Bakar b. Daud, Pendaftar Mahkamah Tinggi Shah Alam, pada 18hb. November 1997.

80. Temubual dengan Puan Noraisyah bt. Tamam, Pegawai Kebajikan Wanita, Pejabat Agama Islam Petaling Jaya, pada 21hb. Mei 1996.
81. S. 18
82. S. 23
83. Sebagai contoh lihat Majalah *al-Ehsan*, Jabatan Agama Islam Selangor, bil. 9. September 1989, h. 29.